

16 MAR 2002

DR MAHATHIR TIBA DI STUTTGART, JERMAN

STUTTGART, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini dari Moscow, Rusia sebelum memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Persekutuan Republik Jerman, mulai Isnin.

Ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Stuttgart dengan pesawat khas di sambut oleh Duta Besar ke Malaysia ke Jerman, Datuk Abdul Kadir Mohd Deen dan Konsul Kehormat Malaysia di sini, Dr Helmut Baur.

Lawatan Dr Mahathir ke Stuttgart, ataupun kota Mercedes Benz, adalah di luar rangka lawatan rasminya ke Jerman yang akan bermula di Munich pada Isnin ini dan diikuti dengan Berlin.

Semasa di sini, Dr Mahathir akan melawat kilang pengeluar kereta Mercedes Benz milik syarikat Daimler Chrysler di Sindelfingen dekat sini.

Esok, Perdana Menteri akan ke Heidenheim juga dekat sini untuk melawat makmal teknologi milik syarikat Voith Siemens sebelum meneruskan lawatan tidak rasmi ke Dusseldorf selama sehari.

Dr Mahathir akan berada di Jerman selama lima hari sebelum meneruskan lawatannya ke Poland, mulai 21 Mac ini.

-- BERNAMA

MAM HS